MUNYATUL MUSOLLI

(Cita-Cita Orang Yang Bersembahyang)

24 PERMASALAHAN MENTA’KHIRKAN SEMBAHYANG JUMA’AT

Dan setengah daripada bid’ah, **mutakhir** (متأخير - menta’khir) Juma’at kerana menanti ahli pekan dan segala orang yang mempunyai pekerjaan mereka yang wajib atas mereka itu Juma’at.

Dan wajib atas orang yang memerintahkan pekerjaan bahawa keras atas mereka itu dan takut akan mereka itu takut orang yang ketinggalan daripada Juma’at kemudian daripada disuruh, dan ditakut akan mereka itu dan tiada mudah atas **Wali Al-Amri** (ولى الأمر) pada meninggalkan daripada menyuruh dan menakuti akan mereka itu supaya dapat menyatakan **syi’ar** (شعار) yakni zahir tanda agama Islam, dan dikeraskan dia supaya mendirikan fardhu, dan suruh menjauhkan daripada yang diharamkan. Jangan dimudahkan oleh mereka itu akan pekerjaan agama. Maka jika tiada menghiraukan dia oleh Wali Al-Amri, dosanya itu atasnya sebab meninggalkan dia **Amru Bil Ma’ruf** (أَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ) dan **Nahyu ‘Anil Munkar** (نَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ).

Maka telah maklumlah, sembahyang Juma’at itu tiada dapat Juma’at melainkan ia dapat raka’at serta imam. Seperti, dapat orang yang masbuq akan imam dalam ruku’nya serta toma’ninah ia serta imam pada raka’at yang keduanya, maka didapatnya Juma’at. Maka ia tambah seraka’at lagi dinyaringkan bacaannya.

Dan jika dapat kemudian ruku’nya daripada raka’at yang kedua. Seperti, ia dapat akan imamnya pada i’tidal, atau kepada sujud daripada raka’at yang kedua, atau pada tahiyyat, maka luputlah Juma’atnya. Maka wajib ia tamamkan sembahyang Zohor empat raka’at dengan diperlahankan bacaannya, bersalahannya sembahyang berjama’ahnya selama belum lagi memberi salam imamnya.

Dan demikian lagi, dapat Juma’at orang yang **masbuq** (مسبوق) kepada orang yang mendapat seraka’at imam Juma’at, didapatnya pada raka’at yang keduanya atau pada ruku’nya serta didapat toma’ninah ia dalam ruku’nya serta imam, maka dapat Juma’at pula baginya.